

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMAD BIN MUSTAFA

TARIKH : 10 DISEMBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO. 63

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status pelaksanaan projek menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu.

JAWAPAN

1. Projek Pembesaran dan Menaik Taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Kota Bharu, Kelantan melibatkan skop pembesaran bangunan sedia ada bagi membolehkannya menampung jumlah penumpang daripada 1.5 juta penumpang setahun kepada 4 juta penumpang setahun. Antara tumpuan utama adalah membesarkan bangunan terminal, menambah parkir pesawat, pembesaran apron dan juga pembinaan bangunan *Airport Fire Rescue Service (AFRS)* yang baharu.
2. Projek LTSIP telah diluluskan pada 29 Mac 2016 secara tender terhad kepada lima (5) kontraktor. Walau bagaimanapun, Dasar Semasa Kerajaan memutuskan bahawa proses perolehan kontraktor projek akan dilaksanakan secara tender terbuka pada tahun 2019 dan kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.